

Keganasan rumah tangga makin serius

Metro Ahad 18/12/2011. MS 2.

Perangkaan ISM menunjukkan sebanyak 663 kes dilaporkan pada 2010 berbanding 463 kes pada 2006

>>Oleh RAJA NORAIN HIDAYAH
RAJA ABDUL AZIZ dan NURUL
HUSNA MAHMUD
metahad@hmetro.com.my

KETIKA mengambil keputusan untuk berumah tangga, pastinya seorang wanita mengimpikan suami yang boleh mendampingi dan melindungi mereka sepanjang hayat.

Saat akad dilafazkan, mereka bukan lagi di bawah tanggungjawab ibu bapa, sebaliknya berkongsi hidup bersama lelaki bergelar suami untuk mengharungi suka duka alam perkahwinan.

Pasti bahagia jika memiliki suami penyayang dan memahami keadaan diri serta sering bertolak ansur, malah bertimbang rasa dalam semua keadaan.

Namun, tidak semua isteri bertuah dikurniakan suami sebegitu kerana sesetengah daripada mereka hidup dengan menjeruk perasaan apabila bersuamikan si panas baran.




Sudahlah terpaksa menahan telinga mendengar maki hamun, jerkahan dan kata-kata kesat, tubuh pula seakan-akan menjadi 'punching bag' tatkala si suami hilang pertimbangan.

Dipijak hanya kerana minta untuk dipicit, dicakar kerana tidak mahu melayan nafsu dan dibelasah angkara sifat cemburu suami antara kes keganasan rumah tangga yang sering menghiasi dada akhbar.

Jika dilihat penyebab yang meletuskan perasaan marah itu, kebanyakannya hanya berpunca daripada perkara kecil yang langsung tidak pernah terlintas di fikiran kita ia boleh menjadi punca utama.

Terlintas juga di fikiran, adakah lelaki bergelar suami kini semakin menipis kesabarannya dan kurang kewarasan apabila diselubungi kemarahan.

Lebih membimbangkan apabila statistik menunjukkan peningkatan demi



FADZIL...panas baran perlu dirawat.

peningkatan kes keganasan rumah tangga saban tahun dengan jurang besar.

Pada 2006, sebanyak 463 kes dilaporkan membabitkan wanita yang menjadi mangsa keganasan rumah tangga dan meningkat kepada 517 kes pada 2007, 513 kes (2008), 502 kes (2009) dan 663 (2010).

Pengarah Institut Sosial Malaysia (ISM), Prof Madya Dr Fadzil Che Din berkata, individu panas baran ini jika dilihat daripada luaran sama seperti orang lain dan berada dalam keadaan stabil, namun mereka ini boleh dilabel sebagai bom jangka yang boleh

'meletup' secara tiba-tiba.

Apabila rangsangan diberi, lebih-lebih lagi yang tidak 'kena' di mata mereka, ia akan disusuli tindakan agresif, baik secara verbal mahupun perlakuan fizikal.

"Panas baran ini sebenarnya berkait rapat dengan kelakuan, di mana mereka disifatkan sebagai individu sensitif dan mudah tercuai apabila berlaku sesuatu yang tidak seperti mereka harapkan.

"Faktor kelakuan merangkumi tabiat, kelangsangan, ajukan atau tiruan dan gerak balas baru yang akhirnya menjurus kepada tingkah laku

agresif yang menyakitkan, mencederakan dan memusnahkan," katanya.

Daripada segi pemikiran, golongan panas baran sering berdepan kekeliruan dan pemikiran tidak rasional sehingga adakalanya gagal membuat pertimbangan sewajarnya.

"Mereka gemar meletakkan harapan tinggi pada sesuatu perkara dan cepat merasa kecewa apabila apa yang diharapkan tidak menjadi.

"Daripada perasaan itu akhirnya membawa kepada perasaan marah, seterusnya mencetuskan perlakuan agresif daripada segi percakapan

dan kelakuan," katanya.

Sama ada kita sedar atau tidak, semua orang terdedah kepada risiko menjadi panas baran kerana banyak faktor boleh 'mengheret' seseorang ke arah itu.

Pernah tinggal bersama si panas baran atau menjadi mangsa golongan itu adalah faktor persekitaran yang boleh mencambahkan benih panas baran dalam diri seseorang.

Pengalaman dan pemerhatian mereka mencetuskan sifat kelaziman, yang mana keadaan itu menjadi kebiasaan kepada mereka dan meneruskan perlakuan itu

kepada individu yang boleh ditindas.

Jika ada yang mengatakan sikap panas baran hanya dimiliki golongan muda, faktor usia sebenarnya tidak memberi jaminan atau penentu.

Keadaan ini membabitkan dua golongan iaitu yang menindas dan tertindas. Lazimnya golongan yang menindas ini mempunyai kelebihan berbanding individu ditindas.

"Individu panas baran biasanya lebih tua, kuat, tinggi, besar dan bertenaga berbanding individu yang ditindas, sekali gus membuat mereka lebih dominan.

"Mereka merasakan mampu

mengatasi individu lemah dan di sinilah elemen kelaziman itu diguna pakai sehingga tanpa sedar mencederakan orang lain," katanya.

Sikap panas baran boleh diubah dengan mengikuti sesi kaunseling, di mana sistem pemikiran si panas baran akan diubah supaya dia boleh mengawal segala perilakunya.

Mereka dilatih cara menyempitkan jurang antara perkara yang diharapkan dan yang diperolehi dan belajar untuk menerima keadaan yang tidak diharapkan.

Kunci utama untuk memulihkan si panas baran adalah daripada pemikirannya kerana ia mampu mempengaruhi perlakuan mereka daripada bertindak di luar batasan.

Bagi mangsa individu panas baran, mereka mempunyai tiga jalan penyelesaian yang boleh dipilih untuk berdepan golongan ini iaitu bersemuka, menenangkan bi-



“

“Apabila sering dipukul, ditampar mahupun disepak terajang oleh suami, isteri perlu sedar mereka harus mendapatkan perlindungan daripada pihak berkaitan”

>>Fadhlina Siddiq
Peguam Syarie

gan adanya IPO, suami tidak boleh menghampiri mahupun menandatangani kecederaan sehingga kes selesai.

“Jika suami masih mendekati isteri, mereka bakal berdepan tindakan mahkamah,” katanya sambil menegaskan, semua tindakan termaktub di dalam Akta Keganasan Rumah Tangga 1999 (Akta 521).

Fadhlina turut menyarankan isteri bertindak tegas dengan tidak menarik kembali aduan dikenakan kerana dibimbangi akan menyebabkan pelaku mengenakan penderaan lebih teruk terhadapnya.

“Kadangkala, kami selaku peguam syarie berdepan dilema isteri menarik dakwaan dalam usaha membantu mereka.

“Saya tidak pasti mengapa mereka sanggup menarik balik dakwaan dan kembali kepada pasangan meskipun cukup masak dengan panas baran suami.

“Malah, mereka sedia

maklum risiko dan bakal berdepan kesan penderaan lebih buruk,” katanya.

Selain itu, Fadhlina berkata, keprihatinan masyarakat juga diperlukan bagi menangani isu penderaan suami terhadap pasangan daripada terus berleluasa.

“Masyarakat hari ini lebih senang memekakkan telinga dan membutakan pandangan kerana tidak mahu dikatakan mencampuri urusan rumah tangga orang lain.

“Ini berdasarkan pengalaman saya yang pernah berurusan dengan kes di mana saksi daripada jiran pasangan mendakwa sudah jelas mendengar raungan isteri yang didera saban tahun.

“Saya berharap masyarakat lebih prihatin sebaik mereka fikirkan nasib menimpa isteri mahupun anak kepada lelaki yang panas baran,” katanya yang juga Naib Presiden Hal Ehwal Wanita Angkatan Belia Islam Malaysia.

bersemuka, meneruskan hidup dalam keadaan itu dan mengelakkan diri daripada bertemu individu panas baran.

"Mengambil langkah bersemuka dengan si panas baran boleh dikatakan langkah berani untuk menegur atau meluahkan rasa tidak puas hati kepada mereka dengan harapan mampu mengubah sikap mereka.

"Jika tidak mempunyai kekuatan, mereka perlu menghadapi keadaan itu dengan cuba 'membaca' emosi dan perlakuan si suami dan mengelak melakukan perkara yang boleh mencestuskan kemarahan mereka," katanya.

Sikap panas baran perlu diatasi dan diubah kerana jika dibiarkan bukan hanya boleh meruntuhkan institusi kekeluargaan tetapi juga boleh memberi kesan kepada masyarakat, termasuk aktiviti jenayah, kes penderaan dan perlakuan mencederakan orang lain.

Sementara itu, menurut peguam syarie firma guaman Fadhlina Siddiq & Associates, Fadhlina Siddiq, isteri perlu proaktif dalam melindungi diri sebaik mendapati dirinya menjadi mangsa penderaan.

"Apabila sering dipukul, ditampar mahupun disepak terajang oleh suami, isteri perlu sedar mereka harus mendapatkan perlindungan daripada pihak berkaitan.

"Langkah segera seperti mendapatkan laporan perubahan dan polis dalam tempoh 24 jam sangat perlu bagi memperoleh injuksi perintah perlindungan interim (sementara) (IPO) daripada Mahkamah Sivil.

"Secara tidak langsung, keselamatan diri mereka lebih terjamin kerana den-

Isteri harus lebih peka soal hak

KUALA LUMPUR: Islam tidak pernah menafikan hak isteri mengambil jalan pemutus andai perkahwinan hanya memberi penderitaan terhadap dirinya.

Mufti Selangor, Datuk Setia Mohd Tamyas Abd Wahid berkata, seawal mereka mendirikan perkahwinan, ada lafaz taklik khusus mengingatkan tanggungjawab suami terhadap pasangannya.

"Sebaik suami selesai akad di depan kadi, lazimnya lafaz taklik perlu diucap oleh suami dan ditandatangani.

"Di dalam lafaz taklik berkenaan dinyatakan, jika hak isteri diabaikan suami seperti nafkah selama empat bulan Islam atau mendatangkan kecederaan kepada isteri, isteri berhak mendapatkan talak khuluq," katanya.

Namun Tamyas berkata, talak khuluq tidak sewenang-wenangnya diberi kerana perlu ada pengaduan daripada isteri dan bukti kukuh.

"Isteri perlu mengadu dan suami disabitkan mana-mana antara kesalahan berkenaan berdasarkan bukti dan saksi yang jelas, isteri perlu membayar kepada mahkamah RM10 sebagai tebus talak.

"Hakim akan menjatuhkan talak kepada isteri bagi pihak suami dan jatuhnya talak berkenaan, suami tidak boleh rujuk ketika tempoh edah. Andainya suami mahu kembali, dia perlu melalui kembali

proses seperti akad dan memberi mahar baru kepada isteri," katanya.

Saranan beliau, isteri harus lebih peka mengenai hak mereka sebagai usaha melindungi diri daripada terus menjadi mangsa suami panas baran.

"Isteri seharusnya perlu peka semua perihal membabitkan kepentingan dan perlindungan diri. Pergantungan penuh kepada suami serta sikap

berdiam berterusan hanya menzalimi diri sendiri.

"Oleh itu, isteri perlu menghadiri seminar berkaitan supaya mereka tahu dengan siapa mereka boleh jadikan rujukan sebaik berdepan isu penderaan," katanya.



KRONOLOGI KES SUAMI PANAS BARAN:

15 DISEMBER 2011

KUALA LUMPUR: Lagak seperti ahli gusti, itu dilakukan seorang suami yang bertindak kejam mencekik, memulas kaki dan duduk beberapa minit di atas badan isterinya sebelum membelasah mangsa hanya kerana geram alat pengecas telefon bimbit miliknya tidak dijumpai.

Dalam kejadian jam 12.30 tengah hari, lelaki berusia 30-an itu yang buntu selepas tidak menemui alat berkenaan di kediaman mereka di Jinjang Utara bertanya isterinya, 30, sama ada terlihat peralatan itu. Namun sebaik isterinya mengatakan tidak, suami bagaikan dirasuk dan bertindak lebih ganas apabila terus membelasah mangsa, menyebabkan wanita terbabit mengerang kesakitan dan merayu dilepaskan.

29 OKTOBER 2011

SUBANG JAYA: Berang isterinya memberi kebenaran kepada ibu mentua membawa pulang anak lelakinya ke rumah wanita itu menyebabkan seorang suami membelasah isterinya di kediaman mereka di Subang Jaya.

Lebih malang, wanita berusia 38 tahun itu luka di tangan dan dada akibat dipukul suaminya yang hilang kawalan selepas anak lelakinya berusia tiga tahun tiada bersama mereka.

25 OKTOBER 2011

AMPANG: Seorang suami panas baran dikatakan menjadikan barangan dalam rumah, termasuk papan seterika dan besi ampaian, untuk memukul

isterinya berusia 35 tahun ketika mereka bergaduh, menyebabkan wanita malang itu cedera di badan dalam kejadian di Taman Melawati. Perbuatan itu seolah-olah menjadi tabiat lelaki berusia 40 tahun itu sejak setahun lalu yang didakwa memberi kepuasan kepadanya apabila melihat isterinya menderita kesakitan. Tidak tahan dengan sikap panas baran suaminya, wanita terbabit membuat laporan di Balai Polis Hulu Klang semalam, bagi melindungi diri dan tiga anaknya yang masih kecil.

27 SEPTEMBER 2011

AMPANG: Seorang isteri yang tidak tahan sering dipukul dan dibelasah suami setiap hari melarikan diri daripada rumah mereka di Taman Tasik Tambahan, di sini. Mangsa yang juga suri rumah itu pergi ke Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Ampang Jaya untuk membuat laporan.

2 JULAI 2011

AMPANG: Hanya kerana bangang isteri tidak mahu tinggal bersama, seorang lelaki berusia lewat 30-an menikam isterinya beberapa kali dengan pisau kecil selain menumbuk lehernya. Menurut sumber, bertindak atas laporan mangsa, polis menghubungi lelaki terbabit supaya tampil membekirkan keterangan di balai polis, menyebabkan dia berang. Malah, lelaki terbabit turut memaki-hamun dan menikam tangan kiri mangsa bertubi-tubi sejurus mangsa pulang daripada membuat laporan